

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

Program "Sepakat Membawa Ummah" Melatih Mahasiswa Cakna Kepentingan Penjagaan Rumah Ibadah

SITI AISHAH MOHD SHAFIE & CHE NORHALILA CHE MOHAMED.

Kehidupan mahasiswa bukan hanya berkisar perjalanan di dalam kampus dan pembelajaran di antara pensyarah dan rakan-rakan, namun lebih dari itu. Pendekatan membawa keluar dari kehidupan di dalam kampus bagi mendekati masyarakat mampu membina sifat kebersamaan dalam diri mahasiswa dan menjadikan mereka semakin matang.

"Program kemasyarakatan Sepakat Membawa Ummah" yang diadakan di Masjid Kampung Selaru, Kuala Pilah, Negeri Sembilan bersama-sama penduduk sekitar berlangsung pada 7 Januari 2023 telah dianjurkan oleh Kokurikulum Khidmat Masyarakat II, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Program yang berlangsung separuh hari melibatkan seramai 29 mahasiswa diiringi seorang jurulatih Kokurikulum Khidmat Masyarakat II. Program ini diadakan untuk memberi kesedaran terutamanya kepada mahasiswa mengenai kepentingan penjagaan rumah ibadah tanpa mengira agama dan kepentingan menjaga kebersihan dari segi jasmani dan rohani. Aspek kebersihan adalah gambaran sebenar keperibadian seseorang dan perlu dititikberatkan di dalam kehidupan seharian tidak kira dimana kita berada.

Mahasiswa juga dapat mengenali dan mengeratkan silaturrahim yang baik antara masyarakat setempat serta memupuk sifat tanggungjawab dalam jati diri mereka dalam merancang, melaksanakan dan memimpin program supaya berjalan dengan lancar. Di samping itu, program ini juga mengukuhkan sikap kerjasama mahasiswa untuk bekerjasama secara berkumpulan serta memainkan peranan masing-masing secara aktif dalam menjalankan program ini.

Kedatangan mahasiswa disambut dengan pihak jawatankuasa masjid menyediakan pelbagai juadah sarapan pagi yang enak sebelum memulakan sebarang tugas. Mahasiswa dibahagikan kepada dua kumpulan di mana satu kumpulan bertanggung jawab membersihkan kawasan dalam masjid manakala satu kumpulan lagi diberi tugas membersihkan kawasan luar masjid. Mahasiswa menjalankan tugas dibantu oleh ahli jawatankuasa masjid serta penduduk kampung yang hadir bagi meringankan tugas yang perlu dilakukan. Antara tugas yang dilakukan adalah seperti menyapu sampah, mengecat dinding masjid, menanam pokok, membasuh pinggan mangkuk di stor penyimpanan, mengelap kipas dan tingkap di masjid serta membersihkan bilik mesyuarat di kawasan masjid.

Setelah selesai kerja-kerja pembersihan dijalankan, mahasiswa berkesempatan menjamu selera bersama-sama penduduk yang hadir. Mahasiswa mengambil kesempatan untuk beramah mesra dan bertanya kehidupan seharian mereka di kampung. Sebagai orang yang lebih berusia dan berpengalaman, banyak juga nasihat dan kata-kata semangat yang diberikan kepada mahasiswa sebagai panduan dan ingatan di dalam kehidupan.

Sesekali mereka juga merasakan bual bicara diantara nenek datuk dan cucu, penuh dengan nasihat dalam nada dan susun kata yang sopan. Mahasiswa begitu beruntung kerana penduduk di sini sangat mesra dan baik hati.


Program ini juga dapat melahirkan sifat menghormati sesama manusia terutamanya di dalam hidup bermasyarakat kerana perkara ini sangat dituntut di dalam Islam. Bersesuaian dengan firman Allah dalam Surah an-Nisa ayat 86 yang bermaksud: "Apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu penghormatan, balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah penghormatan itu (dengan yang serupa). Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu."

Program diteruskan dengan majlis penutup yang dirasmikan oleh En Ab Ghani Kechut selaku Pengerusi Masjid Kampung Selaru. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih atas kedatangan mahasiswa dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban atas kesudian menabur bakti terhadap masjid di kampung ini. Beliau menyatakan sudah terlalu lama program sebegini tidak dilakukan atas sebab negara dilanda wabak COVID-19 dan menyukarkan untuk mengadakan program kemasyarakatan ini. Beliau sangat menggalakkan dan menerima dengan hati yang terbuka sekiranya mahasiswa ingin meluaskan lagi program ini ke kawasan Kampung Selaru.

Program diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati kepada jawatankuasa Masjid Kampung Selaru dan wakil mahasiswa UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban serta sesi bergambar bersama semua jawatankuasa dan mahasiswa terlibat. Program ini memberikan pengalaman yang sangat berharga untuk mahasiswa yang tidak ternilai dengan wang ringgit sekaligus menjadi pemangkin untuk mahasiswa terus melibatkan diri terutamanya dalam program-program kemasyarakatan.



Mahasiswa mengecat kawasan luar Masjid Kampung Selaru, Kuala Pilah



Mahasiswa membersihkan kawasan dalam Masjid Kampung Selaru, Kuala Pilah



Sesi bergambar bersama Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Selaru dan Mahasiswa UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.